


SEJARAH PENGAMBILAN MANISAN LEBAH Di Perlis

Oleh: MOKTHAR A.K.



*Gambar menunjukkan sebahagian kawasan 70
relung di Kampung Surau yang diserahkan
kembali kepada Tuanku Syed Putra.*

KIRA-KIRA 6 km daripada bandar Kangar, ibu negeri Indera Kayangan, Perlis, ada sebuah kampung yang dikenali kampung `Surau'. Kampung Surau terletak di daerah kampung Utan Aji. Kampung ini termasyhur dengan manisan lebah. Dan asal lebah yang menduduki kampung Surau adalah pembawaan Tuk Jernih semasa hendak berkahwin dengan Tuk Surau, iaitu mengikut cerita orang tua-tua di kampung itu.

Untuk mendapatkan cerita sejarah ini, saya bersama Nahmar Jamil terpaksa mengayuh basikal sejauh 6 km ke Kampung Surau di Utan Aji. Puas juga kami mencari di mana rumah Encik Saayah yang pandai menceritakan kisah-kisah sejarah pengambilan manisan lebah. Cerita ini telah dirakamkan pada bulan April 1966.

Kawasan Utan Aji ini adalah kepunyaan Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail, Raja negeri Perlis. Setelah Tuanku Syed Putra ditabalkan sebagai Raja Indera Kayangan negeri Perlis dalam tahun 1948 untuk menggantikan Almarhum Tuanku Syed Alwi Ibni Almarhum Tuanku Syed Saffi Jamalullail, maka kawasan yang seluas 70 relung di kampung Surau itu diserahkan kembali kepada Tuanku Syed Putra.

Seorang penaja khas di daerah kampung Surau iaitu Encik Saayah pernah memberi sebanyak lebih 100 tin manisan lebah kepada Tuanku Syed Putra, kerana itu adalah kepunyaan baginda sendiri.

Di bawah ini diceritakan cara-cara mengambil manisan lebah dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya. Semuanya ini telah diceritakan oleh Haji Saayah bin Omar dalam pertemuan saya di rumahnya sendiri.

"Dalam satu cupak manisan lebah mengandungi 1 kati lilin," terang Tuan Haji Saayah sebagai memulakan ceritanya, "dengan itu kalau 1 tin bermaknalah 4 gantang manisan. Setiap

tahun Tuanku Syed Putra mendapat perolehan 1,600 kati lilin. Harga bagi 1 tin manisan lebah pada zaman sebelum perang dulu ialah \$29.00" Tuan Haji Saayah menambah lagi.

Cara-cara membahagikan perolehan manisan lebah ini telah dijalankan mengikut peraturan-peraturannya. Kalau pada sepokok itu terdapat 100 sarang lebah, maka pembahagiannya adalah seperti berikut:

1. Pawang mendapat satu sarang.
2. Penghulu mendapat satu sarang.
3. Tuan pokok mendapat satu sarang.
4. Orang yang 'juak tinggi' (yang memanjat pokok) mendapat satu sarang.
5. Penyambut mendapat satu sarang.


Tuan Haji Saayah menerangkan bahawa jumlah 95 sarang yang lebih itu telah ditolak ke beberapa bahagian lain, misalnya yang berada di batang-batang besar. Ini bermakna 40 sarang ini tidak dapat diambil, kerana beberapa kesukaran-kesukarannya. 30 sarang lagi berada di penghujung dahan dan 10 sarang lagi tidak dapat diambil. Jumlah 55 sarang yang ketinggalan itu telah diperuntukkan kepada Tuanku Syed Putra.

Walaupun kini telah hampir 7 tahun lebih ditinggalkan lebah, (bermula tahun 1959) namun pokok-pokok yang menjadi sasaran lebah masih ada lagi. Pokok-pokok yang masih ada ialah:

1. Menkudung Tahi
2. Kelompang Tuk Surau
3. Mendukung Tuk Pa
4. Balong Ayam

Dalam ratusan pokok-pokok itu terdapat beberapa pokok yang telah menjadi kegemaran bagi lebah-lebah itu membuat sarangnya. Pokok-pokok itu seperti Atui, Beranti, Balung Ayam, Mati Anak Kelompang, Neping dan Sungai Beduk Kaya.

Pokok-pokok yang paling disayangi oleh penduduk-penduduk di daerah Utan Aji ini ialah pokok 'Sani Camut' (Raja segala-gala pokok). Bila pokok ini mati, digantikan pula dengan pokok 'Perok Pipit'. Pokok ini sekarang telah ditebang oleh kerana tidak ada lebah yang buat sarang.



Pokok 'Sani Camut' iaitu raja segala pokok yang paling disayangi oleh penduduk penduduk kampung Surau.

Cara mengambilnya:

Cara-cara mengambilnya: biasanya orang yang akan memanjat untuk `membuang ibu' atau menyiasat akan kedudukan atau keadaan sarang-sarang lebah itu terdiri dari orang yang ada `ilmu' atau berpengalaman. Upacara menjampi telah diadakan sebelum memanjat. Selepas turun dari membuat penyiasatan itu maka ia memberitahu kepada pawang (orang yang gagah atau berilmu), bahawa dahan ini banyak penyengat atau tebuhan, dahan itu tidak baik dan masalah-masalah lain yang sukar diam

Batang pokok tadi terpaksa dibasuh dari dahan atas hingga ke bawah. Setelah urusan itu beres dikerjakan, barulah pawang memilih orang yang berkesanggupan atau berpengalaman untuk memanjat pokok-pokok tersebut. Pilihan ini biasanya ditilik oleh pawang terlebih dahulu. Sekiranya sebuah pokok itu mengandungi 100 buah sarang, pawang hanya membenarkan 8 orang sahaja untuk memanjat. Empat orang untuk memegang tali dan empat orang untuk mengambil sarang-sarang. Bila pemanjat itu sedang berada di atas pokok, pawang yang tinggal di bawah pokok itu bertinggung, sambil kedua belah tangannya memeluk tubuh. Ia adalah mengikut tradisi atau adat pawang. Pawang duduk diam tanpa bergerak, jika dia bergerak atau membuka kedua belah tangannya itu, mungkin sesuatu perkara akan berlaku bagi orang yang di atas pokok itu.

Apabila seseorang yang hendak mengambil sarang di dahan kecil, maka dia perlu memberitahu kepada pawang di bawah, lantas pawang menjawab dengan kata-kata hikmatnya:

"Tempoh sat....." (bermakna tunggu sekejap.)


Kawan yang di atas pokok rnenyahut pula:

`Apa Macam ?"

"Hang nak pi tu tak boleh pi..... ! Jika nak pi kena bubuh tali pinggang atau di dada..... jawab pawang.

Demikianlah kata-kata yang serius diucapkan semasa menjalankan tugas.

Dalam menjalani tugas itu sejak bermula pengambilan manisan lebah, sebanyak 3 orang telah terkorban. Mereka terkorban kerana terjatuh dari pokok-pokok yang begitu tinggi.



Tanda bulatan di atas pokok ini menunjukkan dari tempat itulah En. Tom terjatuh semasa menjalankan tugas mendapatkan manisan lebah. Tingginya 30 kaki.

Nama mereka yang jatuh itu masih dikenang oleh penduduk-penduduk di Utan Aji; seperti Encik Tahir, dia jatuh dari pokok 'Mengkundung Tahi'; Encik Ya, jatuh dari pokok 'Atui' dan ketiga Encik Awang dari pokok 'Atui' juga.

Seorang lagi yang jatuh kira-kira 30 kaki tingginya telah tidak mendapat sebarang kecederaan. Ini telah menjadi suatu kehairanan bagi penduduk-penduduk di Utan Aji. Beliau bernama Encik Tom (bekas Polis) dan sekarang masih sihat lagi.


Selepas sarang-sarang diturunkan, maka sarang-sarang itu akan diisikan ke dalam tong besar untuk diperahkan manisannya. Urusan memerah ini memerlukan ramai kakitangannya yang cekap.

Lilin dan sarang-sarang itu biasanya diperah dengan menggunakan 'penghimpit kampil' - diperbuat daripada kayu. Kayu kampil lilin ini besar bulatannya kira-kira 20 inci. Ia memerlukan 2 orang yang gagah untuk memusingnya. Selepas itu manisan lebah dituangkan pula ke dalam 'jungkong' (lubang di dalam tanah) yang dikorek khas dan diperhiaskan dengan kelengkapan-kelengkapan yang kukuh, supaya manisan itu tidak jerab atau mengalir keluar dari jerungkong. Selepas itu diisikan pula ke dalam tin. Kemudian barulah dibahagikan manisan itu kepada perkerja-perkerja dan juga untuk jualan.

Nama jenis barang-barang keperluan untuk menguruskan pengambilan manisan lebah itu adalah seperti berikut:

- * Ghepok (tempat isi lilin)
- * Tali umai (tali pinggang)
- * Bintang (iaitu sejenis alat yang diperbuat daripada kayu untuk membuang ibu-ibu lebah yang menghinggapi ke seluruhan badan orang-orang yang memanjat pokok itu).

Tuan Haji Saayah rasa dukacita kerana tidak dapat menunjukkan barang-barang keperluan atau alat-alat untuk mengambil manisan lebah itu kerana kehilangan dan telah dimakan zaman.



Di tengah ialah Tuan Haji Saayah bin Omar, pencerita sejarah ini. Di kirinya ialah bekas penulis rencana ini. Gambar diambil pada bulan Mei 1966

Pada mulanya sebelum orang hendak pergi mengambil sarang itu kebanyakan membawa `beghetih' (bertih, padi yang telah direndang); lilin sebatang seorang clan barang-barang lain yang berkenaan. Keperluan barang-barang ini adalah mengikut adat orang dulu. Mungkin pada masa sekarang, keperluan seumpama itu tidak lagi digunakan.

Kegunaan untuk memuja:

Manisan lebah ini besar kegunaannya. Selain untuk dimakan (menambahkan kekuatan) manisan lebah ini juga digunakan sebagai ubat sakit dada, mata yang tertikam kayu dan kegunaan-kegunaan lain yang penting.

Keadaan tempat-tempat yang seluas 70 relung itu dipenuhi hutan yang tebal. Bila sampai musim mengambil manisan, banyak binatang ganas datang turut menikmati manisan lebah.

Untuk tidak membimbangkan pekerja-pekerja itu dari gangguan binatang-binatang itu, maka sarang-sarang manisan itu dilemparkan sekeping dua kepada binatang-binatang yang berkeliaran. Seekor harimau yang dikenali `harimau Tuk Surau' seringkali datang bila musim mengambil manisan lebah. Harimau ini terlalu besar dan jinak pula - bagi kanak-kanak yang nakal pula, bila menampar-nampar harimau itu, tapi tanpa dipedulikan oleh harimau itu.

Acara pengambilan manisan lebah itu dianggap suatu temasya atau acara yang meriah dan kanak-kanak amat bersuka ria. Orang ramai berduyun-duyun datang menyaksikannya dan tidak ketinggalan juga orang Inggeris yang ingin menyaksikan acara-acara mengambil manisan lebah itu.

Musim mengambil manisan lebah itu ialah setahun sekali. Lama masa untuk mengambilnya ialah hingga 3 atau 4 bulan; waktunya pada tiap-tiap malam kelam. Suatu adat resam atau cara memuja lebah telah diadakan. Tiap-tiap tiga tahun sekali penduduk-penduduk di daerah itu biasanya mengorbankan seekor kerbau balar (kerbau putih) sebagai membayar niat (nazar) - sepertimana orang mengorbankan kerbau yang dihanyutkan ke tengah-tengah lautan. Pada waktu siangnya dikhaskan untuk mengutip lilin - lama masanya ialah sepanjang sebulan. Lilin yang dikumpulkan itu kemudiannya dimasukkan ke dalam kawah. `Kampit' (penapis) lilin itu diperbuat daripada bemban.

Manisan yang paling baik sekali pada masa itu ialah manisan lebah di Utan Aji. Selain daripada tempat itu boleh juga diperolehi di Arau, Perlis kira-kira 11 km dari bandar Kangar.

Antara lain yang menyebabkan manisan lebah di Utan Aji begitu terkenal atau popular adalah disebabkan oleh beberapa aspek: Pertama disebabkan oleh kawasan Surau di Utan Aji ini banyak mengandungi bunga-bunga kewan dan bunga-bunga selam. Kalau kita memperincikan atau memerhati kaki-kaki lebah semasa sedang terbang atau di mana saja lebah itu berada, kita dapati kakinya serba kekuningan. Dipenuhi oleh madu-madu daripada bunga-bunga kewan dan bunga-bunga gelam.

Manisan yang kurang baik disebabkan kerana di sekitar kawasan itu mengandungi bunga-bunga api-api atau bunga tum-tum.

Di samping itu ingin juga saya menerangkan bahawa sumber kebudayaan atau keaslian orang dahulu (dalam tahun 1940 hingga 1948) tidak ketinggalan juga pantun-pantun acara `membuang ibu' (iaitu membuang ibu-ibu lebah yang hinggap ke seluruh badan bagi mereka ketika memanjat pokok-pokok itu).

Pantun-Pantun:

Semasa orang (pemanjat-pemanjat) di atas pokok berpantun kepada orang yang berada di bawah pokok, sesaat semasa ibu-ibu lebah menghinggapi badan mereka, antara pantun-pantun yang sering didahului ialah:

Pantun Pertama:

*Oi, oi, oi mambang dewan
Dewan dudu....., hoi.,hoi....
Tolonglah kami mambang dewan
Bantulah kami, turunlah encik.....
Kami mambang dewan
Mambang dewan mengayakkan.....
Hoi..... hok....., biarlah kami
mengaturkan kami, dewan kedudual..... kurus.....*

Pantun Kedua:

*Lebat-lebat bunga delima
tolonglah kami mengayakkan.....,
Ooi....., bantulah kami
Dewan dudu.....
mengayakkan.....*

Biasanya bila pantun-pantun yang dipantun oleh orang yang masih ada di atas pokok, seringkali mendapat sambutan dari orang yang berada di bawah. Dan pantun ketiga pula ialah:

*Telur-telur ikan senangi
Ooi...,ooi...menyampak telur
di hujung pantai.....
Ooi.... ooi.... turunlah encik.....
mambang dewan sehani.....
Ooi..... kami tak mengantuk
Manja nak tidur.....*

Setelah selesai berbalas-balas pantun, maka acara menyembur sirih pinang dijalankan. Lantas ibu-ibu lebah dibuangkan. Kemudian, ibu-ibu lebah itu terus mengigit-gigit dengan ganasnya, maka sebuah nyanyian pula akan dinyanyikan:

*Burung punai ekornya lebat
Terbang melilit cabang kayu
Cop serunai dipukul nobat
Nak olek raja beradu....*

Sebaik saja nyanyian itu berakhir maka ibu-ibu lebah di badan itu telah dikikiskan dengan `bintang' (alat membuang ibu-ibu lebah).

Setelah - upacara itu selesai dikerjakan, sebuah lagi nyanyian bercorak kesedihan telah dinyanyikan. Sebagai mengharapkan supaya lebah-lebah itu balik ke sarangnya semula.

Punai tuan punai cendawan

Punai dengan kain berkait

Tinggal tuan tinggalku nyawa.....

Tinggal dengan baik berbaik.....

Daun serai lapik belangan.....

Daun nasin dalam padi

Kita bercerai janganlah lama

Cukup musim baliklah ke mari.....

Demikianlah pantun-pantun sempena mengambil manisan lebah - yang pada keseluruhannya mengharapkan agar lebah-lebah yang meninggalkan sarangnya itu supaya balik ke sarangnya semula.

Dengan ini juga berakhirlah hasil penyelidikan mengenai cara-cara mengambil manisan lebah dan sejarahnya mengenai perhubungan adat yang turun temurun. Semoga ini akan menjadi kenangan abadi bagi penduduk-penduduk di kampung Utan Aji, Perlis dan menjadi ilmu pengetahuan bagi bumiputera pencinta kebudayaan Melayu.

Rencana sejarah Pengambilan Manisan Lebah ini pernah disiarkan dalam majalah Mastika keluaran Utusan Melayu Press, Kuala Lumpur -keluaran bulan Jun 1966.

